



**Majlis Ugama Islam Singapura**

**Khutbah Jumaat**

**20 Mei 2016 / 13 Syaaban 1437H**

**Pesanan Tuhan Dalam Berinteraksi Sesama Muslim.**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Marilah kita tingkatkan ketakwaan kepada Allah dan mengukuhkan lagi ikatan bersama-Nya, dengan melaksanakan segala yang diperintahkan dan meninggalkan segala yang dilarang. Semoga kita memperolehi petunjuk-Nya dalam mengharungi kehidupan yang penuh dengan ujian dan cabaran.

Saudara,

Kita sekarang berada di bulan Syaaban, bulan di mana sepatutnya kita sudah membuat perancangan yang teliti bagi menyambut bulan Ramadan Al-Mubarak. Banyak pengalaman

baru yang bakal kita tempohi bersama Ramadan. Pengalaman betapa manisnya hidup bersama Allah di malam Ramadan dan pengalaman betapa indahnyanya hidup bersama saudara muslim kita ketika bertarawih dan bertadarus di bulan Ramadan. Rasanya tidak sabar lagi untuk bertemu Ramadan, kita sering berdoa:

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي شَهْرِ شَعْبَانَ، وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ

Maksudnya: *“Ya Allah, berkatilah kami di bulan Syaaban dan sampaikanlah kami untuk bertemu Ramadan”*.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di antara pengalaman yang terbaik yang bakal kita raih dari Ramadan adalah wujudnya hubung-kait di Antara hubungan seorang hamba dengan Allah (حبل من الله) dan kaitannya dengan hubungan kita sesama insan (حبل من الناس). Kedua-dua hubungan tersebut tidak boleh dipisahkan dan kedua-duanya harus berjalan seiringan antara satu sama lain.

Sehubungan dengan itu, kita harus sedar secara insaf bahawa semakin dekat seseorang hamba kepada Allah, semakin dekat dirinya itu kepada insan. Begitu juga sebaliknya, semakin dekat diri seseorang untuk bersilaturrahim sesama manusia, semakin dekat hubungannya dengan Allah.

Saudaraku,

Ulama silam telah meninggalkan kepada kita warisan khazanah ilmu yang amat berharga sekali. Warisan tersebut merangkumi pelbagai pandangan, pengolahan, rumusan, kaedah, prinsip, contoh dan lain-lain lagi. Melalui warisan tersebut, dapat dilihat dengan jelas kegigihan dan kesungguhan mereka dalam berijtihad demi mencari huraian semasa bagi menyelesaikan isu-isu rumit yang berlaku pada zaman, suasana dan sekitaran yang dihadapi oleh masyarakat pada ketika itu.

Melalui warisan itu juga, terserlah ketinggian intelektual, peradaban dan kematangan mereka dalam merencanakan budaya perbincangan, percambahan minda dan pengkayaan idea tanpa menggadaikan prinsip persaudaraan dari sudut fizikal mahupun rohani.

Tiada dinafikan, terdapat juga di dalam lipatan sejarah di mana telah berlaku perselisihan pendapat dan perdebatan hangat di kalangan beberapa para ulama dalam isu yang terkait dengan isu pokok (usul) atau cabang (furu'). Namun, jika dilihat dengan teliti, isu sedemikian amat sedikit bahkan boleh ditangani dengan baik dan boleh juga diatasi dengan bijaksana.

Dalam menghadapi perbezaan pendapat antara kita, sesama umat Islam (intra-Faith), yang diperlukan adalah kekuatan kematangan bukan kekuatan emosi, kekuatan kasih sayang

bukan saling membenci. Para ulama sangat peka dan mereka berpegang teguh kepada kaedah:

الْعِلْمُ رَحْمٌ بَيْنَ أَهْلِهِ

Kaedah ini boleh ditafsirkan dengan “*Ilmu adalah penyambung silaturrahim di kalangan mereka yang memiliki ilmu*”. Dan ianya juga boleh membawa maksud “*Ilmu adalah saling rahmat-merahmati antara mereka yang memiliki ilmu*”.

Marilah sama-sama kita layari bulan Syaaban yang mulia ini dengan bermuhasabah terhadap apa yang telah kita lakukan selama ini bersama saudara kita ketika berinteraksi, secara khusus di media sosial. Berusahalah dengan gigih di bulan ini sebagai persiapan menghadapi kedatangan bulan Ramadan agar tutur bicara kita tidak menyemarakkan lagi api fitnah atau tangan-tangan kita tidak menyumbang kepada perselisihan dan perpecahan masyarakat Islam.

Kita mampu untuk hidup bersama meskipun terdapat perbezaan orientasi antara kita. Kita masih boleh bersatu meskipun wujud kepelbagaian mazhab antara kita. Bukankah Allah telah berfirman di dalam surah Al-Anbiya ayat 92:

إِنَّ هَذِهِ أُمَّتُكُمْ أُمَّةً وَاحِدَةً وَأَنَا رَبُّكُمْ  
فَاعْبُدُونِ

Artinya: “*Sesungguhnya agama ini adalah agama kamu semua, agama yang satu dan Aku adalah Tuhanmu, maka sembahlah Aku*”.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di antara ulama kontemporari yang berjuang kepada kesatuan dan perpaduan umat adalah Syeikh Abdullah Bin Bayyah. Di dalam makalah beliau mengenai *Adab al-Ikhtilaf* (Adab-adab perbezaan), beliau telah menggariskan beberapa nilai penting yang harus diraikan demi mengelak perselisihan antara umat berlaku. Antaranya:

**Pertama:** Seseorang perlu memiliki sifat lemah lembut di saat berinteraksi dengan isu-isu yang terdapat perbezaan pendapat padanya. **Kedua:** Hendaklah seseorang itu berada di tahap intelektual yang dapat menguasai isu tersebut dengan baik. **Ketiga:** Tidak menyalahi atau mengingkari sesuatu isu yang dalam ruang lingkup ijtihad. **Keempat:** Memberi penghormatan yang selayaknya kepada semua ulama yang melakukan ijtihad. Melalui penjelasan di atas, dapat dipetik maksud yang tersirat dan erti yang amat mendalam untuk memulakan langkah dalam menyuburkan kembali *Adab al-Ikhtilaf*.

Adalah suatu usaha yang amat disanjung, sekiranya golongan asatizah yang merupakan pemimpin agama berada di barisan hadapan memainkan peranan ini secara khusus di ruang

wacana ilmiah dan media sosial. Adalah suatu usaha yang murni juga, sekiranya masyarakat umum tidak dibawa untuk menurut serta dalam perbincaraan, sama ada dengan memberi komentar atau berkongsi maklumat yang belum disaring kebenarannya. Langkah murni ini berpaksikan firman Allah:

وَأَعْتَصِمُوا بِحَبْلِ اللَّهِ جَمِيعًا وَلَا تَفَرَّقُوا

Maksudnya: *“Dan berpegang teguhlah kamu semua pada tali (agama) Allah dan janganlah kamu bercerai-berai.”* [Surah Ali-Imran 3:103]

Juga berlandaskan firman Allah di lain ayat:

وَأَطِيعُوا اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَلَا تَنَازَعُوا أَنْفُسَكُمْ فَيُضِلَّ اللَّهُ وَرُوحَهُ وَأَصْبِرُوا  
إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ

Maksudnya: *“Dan taatlah kepada Allah dan Rasul-Nya dan janganlah kamu berselisih di antara kamu yang menyebabkan kamu menjadi gentar dan hilang kekuatanmu dan bersabarlah. Sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang bersabar”.* [Quran Al-Anfal 8:46]

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Di saat mimbar Jumaat menjelaskan pesan-pesan Tuhan mengenai hubungan seseorang muslim dengan orang bukan Islam dan hubungan seorang Muslim sesama Muslim, bukan bererti bahawa masyarakat Islam Singapura tidak mengerti akan kepentingan isu ini, dan bukan pula mengandaikan

bahawa kita belum pernah mengamalkannya dalam hubungan kita seharian. Tetapi pesan tersebut disampaikan hanya sekadar satu peringatan dan nasihat. Nabi bersabda yang bermaksud: *“Agama itu nasihat. Maka sahabat bertanya: Bagi siapa? Jawab Baginda: Kepada Allah, kepada Kitab-Nya, kepada Rasul-Nya, kepada pemimpin kaum muslimin dan juga orang awam muslimin.”* [Hadith riwayat Imam Muslim]

Semoga kita tergolong di kalangan orang-orang yang mendengar dan sentiasa mendapat petunjuk daripada-Nya. Amin Ya Rabbal Alamin.

بَارَكَ اللهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.